

**Embargo sehingga jam 1200,
Rabu, 5 Disember 2018**

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN OKTOBER 2018 DAN TEMPOH JANUARI-OKTOBER 2018[#]

Eksport pada Oktober 2018 Catat Nilai Tertinggi, Melempi RM90 bilion

Prestasi perdagangan Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan positif pada bulan Oktober 2018, meningkat 14.8% kepada RM176.43 bilion berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan dalam jumlah perdagangan dapat dilihat dengan ASEAN, China, Taiwan, Hong Kong SAR, Australia, Republik Korea (ROK), Arab Saudi, Amerika Syarikat (AS), India dan Kesatuan Eropah (EU).

Eksport pada bulan Oktober 2018 mencatatkan satu pencapaian baru dengan pertama kali melepasi nilai RM90 bilion. Eksport mencatatkan nilai eksport bulanan yang tertinggi iaitu sebanyak RM96.38 bilion, meningkat 17.7% tahun ke tahun, mengatasi pertumbuhan import bagi tempoh dua bulan berturut-turut. Import kembali meningkat 11.4% kepada RM80.05 bilion berbanding penyusutan sebanyak 2.8% pada September 2018.

Lebih dagangan meningkat 63.1% kepada RM16.32 bilion, **merupakan lebih dagangan tertinggi dicatatkan setakat ini.** Lebih ini merupakan lebih dagangan yang ke-252 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing merekodkan pertumbuhan dua digit sebanyak 16.2%, 18.2% dan 17.1%. Lebih dagangan meningkat sebanyak 7.2%.

Bagi tempoh 10 bulan pertama tahun 2018, jumlah perdagangan berkembang 6.5% kepada RM1.558 trilion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport meningkat 7.5% kepada RM829.89 bilion manakala import naik 5.4% kepada RM727.88 bilion. Lebihan dagangan bagi tempoh ini meningkat 25.6% kepada RM102.01 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Eksport Barangan Perkilangan dan Hasil Galian Catat Pertumbuhan Dua Digit

Eksport barangan perkilangan pada Oktober 2018 mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 19.9% tahun ke tahun kepada RM80.99 bilion dan merangkumi 84% daripada jumlah eksport Malaysia. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kenaikan eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia serta barangan perkilangan logam.

Eksport hasil galian meningkat 29.6% kepada RM8.69 bilion, menyumbang 9% daripada jumlah eksport Malaysia pada Oktober 2018. Peningkatan eksport telah direkodkan bagi gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah berikutan Nilai Unit Purata (AUV) yang tinggi.

Eksport keluaran pertanian yang merangkumi 6.3% daripada jumlah eksport menguncup 12.3% kepada RM6.11 bilion. Ini adalah disebabkan oleh pengurangan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, terutamanya minyak sawit, berikutan penurunan AUV.

Barangan eksport utama pada Oktober 2018:

- Barangan E&E bernilai RM38.38 bilion, merangkumi 39.8% daripada jumlah eksport, meningkat 23.3% berbanding Oktober 2017;
- Keluaran petroleum, RM8.13 bilion, 8.4% daripada jumlah eksport, naik 31.2%;
- Kimia dan bahan kimia, RM5.68 bilion, 5.9% daripada jumlah eksport, bertambah 36.5%;

- Barangan perkilangan logam, RM4.38 bilion, 4.5% daripada jumlah eksport, naik 29%; dan
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM4.12 bilion, 4.3% daripada jumlah eksport, turun 17.3%.

Berbanding September 2018, eksport barangan perkilangan meningkat 15.3%, hasil galian, 33.1% lebih tinggi dan keluaran pertanian naik 8.4%.

Bagi tempoh 10 bulan pertama tahun 2018, eksport barangan perkilangan yang mewakili 83.8% daripada jumlah eksport berkembang 9.9% kepada RM695.43 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport yang lebih tinggi direkodkan bagi barangan E&E, kimia dan bahan kimia, barangan perkilangan logam, keluaran petroleum serta barangan optik dan saintifik. Eksport hasil galian (syer 8.6%) meningkat 7.2% kepada RM71.09 bilion disokong terutamanya oleh pertambahan eksport petroleum mentah. Manakala, eksport keluaran pertanian (syer 6.8%) berkurang 13.4% kepada RM56.67 bilion, berikutan penurunan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Prestasi Pasaran Utama

Eksport ke ASEAN Naik 16% - Pertumbuhan Terpantas sejak Disember 2017

Perdagangan dengan ASEAN pada Oktober 2018 meningkat 13.8% tahun ke tahun kepada RM48.82 bilion dan merangkumi 27.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Peningkatan eksport berterusan pada Oktober dengan kenaikan sebanyak 16% kepada RM27.29 bilion, berikutan eksport yang lebih tinggi bagi barangan E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, barangan perkilangan logam serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari ASEAN naik 11.1% kepada RM21.53 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN pada Oktober 2018:

- Singapura RM 13.37 bilion, **naik** 18.3%
- Thailand RM 5.89 bilion, **↑**20.8%

- Viet Nam RM 3.09 bilion, ↑36.3%
- Indonesia RM 2.73 bilion, ↓3.6%
- Filipina RM 1.65 bilion, ↑9.8%
- Myanmar RM 229.6 juta, ↓46.9%
- Brunei RM 198.2 juta, ↓0.6%
- Kemboja RM 121.0 juta, ↑23.9%
- Lao PDR RM 2.5 juta, ↓22.7%

Eksport ke beberapa pasaran utama dalam ASEAN yang merekodkan peningkatan adalah **Singapura** yang berkembang RM2.07 bilion, **Thailand** (↑RM1.01 bilion) dan **Viet Nam** (↑RM824.1 juta), disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan E&E.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 15.9%, 17.9% dan 16.8%.

Bagi tempoh 10 bulan pertama 2018, perdagangan dengan ASEAN berkembang 4.7% kepada RM422.33 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport ke rantau ini meningkat 4.7% kepada RM235.79 bilion didorong oleh kenaikan eksport barangan E&E, petroleum mentah, kelengkapan pengangkutan dan barangan perkilangan logam. Import naik 4.7% kepada RM186.53 bilion.

Eksport ke China Kembali Mengukuh pada Oktober 2018

Perdagangan dengan China yang merangkumi 16.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia berkembang 19.1% tahun ke tahun kepada RM29.71 bilion. Eksport ke China kembali meningkat pada Oktober 2018, naik 33% kepada RM15.12 bilion berbanding penurunan sebanyak 0.6% pada September 2018. Ini adalah berikutan peningkatan ketara eksport barangan E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia serta LNG. Import dari China meningkat 7.6% kepada RM14.59 bilion.

Berbanding September 2018, eksport, import dan perdagangan, masing-masing melonjak sebanyak 33.5%, 11.2% dan 21.5%.

Perdagangan dengan China bagi tempoh 10 bulan pertama 2018 berkembang 9.5% kepada RM260.35 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Bagi tempoh ini, eksport ke China mencatatkan pertumbuhan sebanyak 12.2% kepada RM115.75 bilion, didorong oleh kenaikan eksport bagi barangan E&E, kimia dan bahan kimia serta barangan perkilangan logam. Import dari China naik 7.4% kepada RM144.61 bilion.

EU – Barangan Perkilangan Memacu Pertumbuhan Eksport

Perdagangan Malaysia dengan EU pada Oktober 2018 berjumlah RM15.77 bilion atau merangkumi 8.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 5.6% berbanding Oktober 2017. Eksport meningkat 8.5% kepada RM8.56 bilion, dipacu oleh peningkatan eksport barangan perkilangan yang meningkat sebanyak 11.7%. Eksport yang lebih tinggi dicatatkan bagi barangan perkilangan logam, barangan E&E, keluaran getah, barangan perkilangan berasaskan minyak sawit serta barangan optik dan saintifik. Import dari EU meningkat 2.4% kepada RM7.22 bilion.

Di antara 10 pasaran utama yang merangkumi 91% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, 8 negara mencatatkan pertumbuhan iaitu Jerman (↑8.7%), Itali (↑39.9%), Belanda (↑4.6%), Belgium (↑24.1%), Sepanyol (↑28.9%), Perancis (↑5.4%), Hungary (↑10.7%) dan Poland (↑10.1%).

Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport, import dan perdagangan masing-masing meningkat 3.8%, 27% dan 13.3%.

Bagi tempoh Januari-Oktober 2018, perdagangan dengan EU naik 7.8% kepada RM153.31 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport meningkat 5.5% kepada RM83.14 bilion, disumbang oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan perkilangan logam, kimia dan bahan kimia, keluaran getah serta barangan besi dan keluli. Import dari EU bertambah 10.7% kepada RM70.17 bilion.

Eksport ke AS – Nilai Tertinggi Bagi Tempoh 11 Tahun

Perdagangan Malaysia dengan AS pada Oktober 2018 merekodkan pertumbuhan 8.2% kepada RM14.45 bilion dan merangkumi 8.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke AS meningkat 7.6% kepada RM8.63 bilion, mencatatkan nilai tertinggi sejak Oktober 2007. Peningkatan ini disokong oleh kenaikan eksport barangan E&E, keluaran getah, barangan optik dan saintifik serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import tumbuh 9% kepada RM5.82 bilion.

Berbanding September 2018, eksport, import dan perdagangan, masing-masing meningkat 12.3%, 4.7% dan 9.1%.

Bagi tempoh Januari-Oktober 2018, perdagangan dengan AS bernilai RM129.2 bilion, meningkat secara marginal sebanyak RM4.5 juta berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport ke AS naik 1.8% kepada RM75.5 bilion disokong oleh kenaikan eksport barangan optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan serta barangan perkilangan logam. Import dari AS turun 2.4% kepada RM53.7 bilion.

Eksport ke Jepun Kembali Positif pada Oktober 2018

Pada Oktober 2018, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 6.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia merekodkan kenaikan 4.3% tahun ke tahun kepada RM12.09 bilion. Selepas mencatatkan penurunan selama empat bulan berturut-turut, eksport ke Jepun meningkat 10.2% kepada RM6.61 bilion, disumbangkan terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi bagi LNG, barangan perkilangan logam, barangan kayu, kimia dan bahan kimia serta barangan E&E. Import dari Jepun berkurang 2.1% kepada RM5.48 bilion.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport, import dan perdagangan masing-masing meningkat 25.7%, 6.7% dan 16.3%.

Bagi tempoh 10 bulan pertama tahun 2018, perdagangan dengan Jepun bernilai RM109.72 bilion, berkurang 4.8% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport ke Jepun menurun 8.8% kepada RM57.07 bilion disebabkan oleh pengurangan eksport LNG dan barangan E&E. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport direkodkan bagi kimia dan bahan kimia, barangan perkilangan logam, barangan besi dan keluli serta keluaran petroleum. Import dari Jepun meningkat secara marginal kepada RM52.66 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada Oktober 2018, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 63.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan peningkatan dua digit sebanyak 14.8% kepada RM111.52 bilion. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM60.48 bilion, naik 19.3% tahun ke tahun dan import berkembang 9.9% kepada RM51.03 bilion.

Eksport ke Australia melonjak 47% kepada RM3.94 bilion, disumbangkan terutamanya oleh eksport keluaran petroleum, **ROK** (↑28.4% kepada RM2.99 bilion, LNG) dan **India** (↑17.4% kepada RM3.04 bilion, petroleum mentah).

Berbanding September 2018, perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang sebanyak 19.6%, 21.6% dan 17.2%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA bagi 10 bulan pertama 2018 yang merangkumi 62.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 4.4% kepada RM970.09 bilion. Eksport bernilai RM509.37 bilion, naik 4.8% dan import berjumlah RM460.72 bilion, berkembang 3.9%.

Pasaran Lain yang Mencatatkan Peningkatan Eksport

Pada Oktober 2018, **antara pasaran lain yang mencatatkan peningkatan eksport yang ketara adalah Hong Kong SAR dan Taiwan**. Eksport ke **Hong Kong SAR** berkembang 42.1% tahun ke tahun kepada RM7.32 bilion, didorong terutamanya oleh

eksport yang lebih tinggi bagi barangan E&E. Eksport ke **Taiwan** melonjak sebanyak 63% kepada RM3.74 bilion, disumbangkan oleh peningkatan eksport barangan E&E serta keluaran petroleum.

Prestasi Eksport Domestik

Pada bulan Oktober 2018, eksport domestik yang menyumbang 78.4% daripada jumlah eksport Malaysia naik 12.1% kepada RM75.55 bilion, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun terpanjang sejak Disember 2017. Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport domestik 13.7% lebih tinggi. Bagi tempoh 10 bulan pertama 2018, eksport domestik meningkat 1% kepada RM660.25 bilion.

Prestasi Eksport Semula (re-exports)

Pada bulan Oktober 2018, eksport semula berjumlah RM20.83 bilion, berkembang sebanyak 43.8% tahun ke tahun. Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport semula naik 26%. Bagi tempoh Januari-Oktober 2018, eksport semula meningkat 43.8% kepada RM169.64 bilion.

Prestasi Import

Pada bulan Oktober 2018, **import naik 11.4% tahun ke tahun kepada RM80.05 bilion**. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 68.9% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM39.31 bilion atau 49.1% daripada jumlah import, naik 1%, berikutan peningkatan import bahan api utama dan pelincir, terutamanya bahan api mineral, minyak dan produk penyulingan, bitumen dan lilin mineral;
- **Barang modal**, bernilai RM9.44 bilion atau 11.8% daripada jumlah import, menyusut 1.6%, berikutan import yang lebih rendah bagi barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) khususnya jentera dan kelengkapan mekanikal; dan

- **Barang penggunaan**, berjumlah RM6.4 billion atau 8% daripada jumlah import, naik 7.6%, hasil kenaikan import bahan separa tahan lama, terutamanya barangan farmaseutikal.

Bagi tempoh Januari-Oktober 2018, import bernilai RM727.88 bilion, berkembang 5.4% berbanding tempoh yang sama tahun 2017. **Barang pengantara** bernilai RM380.52 bilion, menurun 4.9%, **barang modal** (RM92.14 bilion, ↓1%) dan **barang penggunaan** (RM59.57 bilion, ↑2.3%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Rabu, 5 Disember 2018 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

- + *Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).*

- # *Data bulan Oktober 2018 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.*

Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah</u> <u>Eksport</u> (RM Juta)	<u>Eksport</u> <u>Domestik</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Import</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Imbangan</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)
2017^f					
Januari	70,309.4	60,008.2	65,439.6	135,749.0	4,869.8
Februari	71,979.3	61,009.7	63,058.5	135,037.8	8,920.8
Mac	82,890.9	70,496.5	77,240.3	160,131.2	5,650.6
April	74,243.4	63,322.0	65,210.7	139,454.2	9,032.7
Mei	79,216.0	65,830.9	72,973.4	152,189.4	6,242.6
Jun	72,823.6	63,268.5	62,627.4	135,451.0	10,196.2
Julai	78,747.8	66,719.6	70,589.6	149,337.4	8,158.3
Ogos	82,024.8	71,217.9	72,113.0	154,137.9	9,911.8
September	77,861.5	64,752.0	69,650.4	147,511.9	8,211.1
Oktober	81,862.2	67,372.9	71,851.1	153,713.3	10,011.1
November	83,485.9	70,744.2	73,551.9	157,037.8	9,934.1
Disember	79,482.0	67,384.1	72,116.3	151,598.2	7,365.7
2017 (Jan-Dis)^f	934,926.8	792,127.4	836,422.2	1,771,349.0	98,504.6
2018^p					
Januari	82,820.1	65,419.1	73,152.8	155,972.8	9,667.3
Februari	70,342.6	55,811.6	61,325.0	131,667.5	9,017.6
Mac	84,467.0	68,375.8	69,778.7	154,245.7	14,688.3
April	84,246.7	64,119.8	71,225.2	155,472.0	13,021.5
Mei	82,110.4	65,854.6	73,993.6	156,104.0	8,116.8
Jun	78,610.8	62,876.2	72,609.9	151,220.7	6,000.9
Julai	86,154.4	67,502.1	77,827.4	163,981.8	8,327.0
Ogos	81,810.2	68,332.9	80,197.1	162,007.3	1,613.1
September	82,953.0	66,414.7	67,720.0	150,673.0	15,233.0
Oktober	96,376.8	75,546.2	80,052.9	176,429.7	16,324.0
2017(Jan-Okt)^f	771,958.9	653,998.8	690,754.0	1,462,712.9	81,204.9
2018(Jan-Okt)^p	829,892.0	660,252.9	727,882.6	1,557,774.6	102,009.4

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Okt 2018 ^p	Sep 2018 ^p	Okt 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	96,376.8	82,953.0	81,862.2
Barangan Elektrik & Elektronik	38,381.9	32,870.1	31,136.8
Keluaran Petroleum	8,132.3	6,332.7	6,197.7
Kimia & Bahan Kimia	5,676.8	4,888.1	4,159.2
Barangan Perkilangan Logam	4,379.0	3,181.4	3,395.2
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	4,119.6	3,784.5	4,980.2
LNG	4,069.9	3,142.2	2,931.9
Petroleum Mentah	3,791.7	2,695.3	2,854.7
Barangan Optik & Saintifik	3,391.1	3,148.3	3,075.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,329.3	3,074.5	3,194.2
Keluaran Getah	2,397.9	2,106.1	2,099.9

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	Okt 2018 ^p	Sep 2018 ^p	Okt 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	96,376.8	82,953.0	81,862.2
China	15,116.8	11,321.7	11,370.0
Singapura	13,372.6	12,140.4	11,304.3
AS	8,629.7	7,686.8	8,017.3
Hong Kong SAR	7,322.5	6,808.1	5,151.8
Jepun	6,612.9	5,262.0	5,999.6
Thailand	5,891.7	4,158.2	4,879.0
Australia	3,942.4	2,889.6	2,681.0
Taiwan	3,736.0	2,996.8	2,292.2
Viet Nam	3,094.1	2,553.1	2,270.1
India	3,041.5	2,653.3	2,589.8

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-OKTOBER)

Barangan	Jan-Okt 2018 ^p	Jan-Okt 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	829,892.0	771,958.9
Barangan Elektrik & Elektronik	316,827.8	282,624.5
Keluaran Petroleum	63,924.1	60,398.3
Kimia & Bahan Kimia	47,334.2	38,843.4
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	38,041.8	45,264.3
Barangan Perkilangan Logam	37,895.0	30,846.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	33,934.8	33,659.3
LNG	31,455.5	33,575.4
Petroleum Mentah	30,516.6	23,110.4
Barangan Optik & Saintifik	29,904.8	26,687.5
Keluaran Getah	21,912.9	21,851.5

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- OKTOBER)

Pasaran	Jan-Okt 2018 ^p	Jan-Okt 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	829,892.0	771,958.9
China	115,746.9	103,198.0
Singapura	114,140.6	112,816.0
AS	75,497.8	74,184.4
Hong Kong SAR	62,163.5	37,492.1
Jepun	57,066.6	62,602.6
Thailand	47,582.1	41,888.6
India	30,365.9	29,108.7
Viet Nam	27,989.8	22,453.9
Australia	27,505.9	26,554.6
ROK	27,152.2	21,784.3

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Okt 2018 ^P	Sep 2018 ^P	Okt 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	80,052.9	67,720.0	71,851.1
Barangan Elektrik & Elektronik	23,618.1	21,241.7	21,755.0
Keluaran Petroleum	9,358.8	7,093.6	7,183.0
Kimia & Bahan Kimia	7,712.2	7,147.2	6,250.0
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	6,244.8	5,216.8	6,902.7
Barangan Perkilangan Logam	4,250.6	3,529.3	3,819.6
Kelengkapan Pengangkutan	3,572.7	2,256.2	3,257.9
Barangan Besi & Keluli	2,441.0	2,529.7	2,252.4
Petroleum Mentah	2,341.5	798.2	1,430.3
Barangan Optik & Saintifik	2,049.1	1,955.9	2,199.3
Barangan Makanan Diproses	1,800.7	1,512.7	1,815.8

JADUAL 7: PASARAN UTAMA IMPORT

Pasaran	Okt 2018 ^P	Sep 2018 ^P	Okt 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	80,052.9	67,720.0	71,851.1
China	14,594.3	13,129.9	13,567.9
Singapura	10,173.4	9,166.5	9,102.6
Taiwan	6,234.6	5,362.7	4,674.3
AS	5,821.8	5,562.4	5,341.2
Jepun	5,475.6	5,130.9	5,595.8
Indonesia	4,177.1	2,934.7	3,091.0
Thailand	4,088.5	3,898.6	3,978.2
ROK	3,840.5	3,038.4	3,126.8
India	2,933.1	1,922.9	2,457.6
Jerman	2,387.2	1,900.9	2,938.4

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-OKTOBER)

Barangan	Jan-Okt 2018 ^p	Jan-Okt 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	727,882.6	690,754.0
Barangan Elektrik & Elektronik	217,659.2	209,024.3
Keluaran Petroleum	70,069.2	62,947.4
Kimia & Bahan Kimia	68,740.5	61,811.8
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	61,251.8	64,627.1
Barangan Perkilangan Logam	38,078.3	35,842.0
Kelengkapan Pengangkutan	37,506.1	32,598.1
Barangan Besi & Keluli	25,916.8	22,618.3
Barangan Optik & Saintifik	19,372.3	20,810.6
Petroleum Mentah	18,289.7	13,215.5
Barangan Makanan Diproses	16,315.8	17,177.8

JADUAL 9: PASARAN UTAMA IMPORT (JANUARI-OKTOBER)

Pasaran	Jan-Okt 2018 ^p	Jan-Okt 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	727,882.6	690,754.0
China	144,605.5	134,592.3
Singapura	86,073.9	76,137.4
AS	53,703.5	55,012.3
Taiwan	53,005.5	45,104.6
Jepun	52,658.0	52,644.6
Thailand	40,260.9	39,895.3
Indonesia	33,457.3	31,512.7
ROK	32,341.7	33,538.5
Jerman	21,950.5	21,672.8
India	21,386.9	22,198.2

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia
 Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

f – data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2012 - Oktober 2018

